

12 OCT 1996

UMNO: ZAHID BERI JAMINAN TERUSKAN PERJUANGAN PARTI

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Ketua Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi memberi jaminan akan meneruskan perjuangan pergerakan itu berpandukan kepada nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pentingnya Umno memperkukuhkan tamadun Melayu.

Sebagai generasi muda, katanya, pergerakan itu akur dengan nasihat Perdana Menteri dan akan mengadakan program latihan kepada anggota Pemuda bagi memupuk rasa kekitaan dan rasa taat setia kepada pemimpin.

"Kami sedar barisan kepimpinan baru diberi tanggungjawab besar dan kami memberi jaminan akan menjalankan tanggungjawab itu dengan baik," katanya semasa menggulung perbahasan pada akhir Perhimpunan Agung Umno di sini hari ini.

Beliau seterusnya meminta anggota Pemuda sama ada yang menjadi calon atau yang tidak bertanding merapatkan barisan seperti kata pepatah "biduk lalu kiambang bertaut."

"Sesungguhnya kami Pemuda mahu bernaung di pokok yang rendang, mahu bergayut di dahan yang kukuh dan mahu berlabuh di muara yang tenang. Sesungguhnya pokok yang rendang, dahan yang kukuh dan muara yang tenang... tiadalah yang lain selain daripada bapa kami Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya. -- BERNAMA

NZ RON